

[CONCEPT OF TRADITIONAL SPORTS COMPETITION ACCORDING TO AL-QURAN AND AL-SUNNAH IN SOUTHERN THAILAND]

KONSEP PERTANDINGAN SUKAN TRADISIONAL MENURUT AL-QURAN DAN AL-SUNNAH DI SELATAN THAILAND

MUHAMMADHUSNEE YANYA^{1*}

ASYRAF AB RAHMAN²

DAUD ISMAIL¹

ABDULSOMA THORALIM¹

¹ Pusat Pendidikan Asas dan Liberal, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Terengganu.

² Dekan Pusat Pendidikan Asas dan Liberal, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Terengganu.

*Corresponding author: husnee_yanya@hotmail.com

Received Date: 7 January 2018 • Accepted Date: 28 April 2018

Abstract

There are many types of sport competitions mentioned in the Quran and Hadith in which indicate that Islam has prescribed such competitions such as horse racing, running, camel, archery and wrestling. In Islam, any match prescribed aimed to train and prepare Muslims as part of war preparations. In Southern Thailand, there are many traditional sports competitions organized by the local community, especially the Malay Muslims community. This paper was carried out to identify the concept of competition in the Quran and Sunnah, the form of competition and the kind of traditional sports competitions that are permitted and banned in South Thailand. The method employed in this study is secondary data analysis based on books of tafsir, hadith and fiqh. The study found that traditional types of sports competitions which are permissible include any sport competition that does not bring harm or injury to individuals amongst the participants as well as the animals involved in the competition. Prize contest must be sponsored by a third party or parties who are not involved or engaged in the competition.

Keywords: Competition, Traditional Sports, al-Quran, al-Sunnah.

Abstrak

Pertandingan sukan banyak disebut dalam al-Quran dan Hadith yang menunjukkan ia telah disyariatkan oleh Islam antaranya seperti perlumbaan kuda, unta, memanah, larian dan gusti. Dalam Islam, pertandingan yang disyariatkan adalah untuk melatih diri Muslim sebagai persediaan dalam perang. Di Selatan Thailand, terdapat pelbagai pertandingan sukan tradisional yang dianjurkan oleh masyarakat setempat khususnya masyarakat Melayu Islam. Kertas ini membincang konsep pertandingan dalam perspektif al- Quran dan al-Sunnah, bentuk hadiah pertandingan dan jenis pertandingan sukan tradisional yang diharuskan dan diharamkan

di Selatan Thailand. Pendekatan kajian yang digunakan adalah kajian kepustakaan dengan berpandukan kitab tafsir, hadis dan fiqah. Data dianalisis secara deskriptif berdasarkan tema-tema utama sesuai dengan objektif kajian. Hasil kajian mendapati jenis pertandingan sukan tradisional yang diharuskan adalah sukan yang tidak membawa kemudarat atau kecederaan dalam kalangan peserta ataupun haiwan yang dipertandingkan. Hadiah pertandingan pula perlu ditaja oleh pihak ketiga atau pihak yang tidak terlibat dalam pertandingan.

Kata kunci: Pertandingan, Sukan Tradisional, al-Quran, al-Sunnah.

Cite as: Muhammadhusnee Yanya, Asyraf Ab Rahman, Daud Ismail, & Abdulsoma Thoralim. 2018. Konsep Pertandingan Sukan Tradisional Menurut al-Quran dan al-Sunnah di Selatan Thailand. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 16(1): 69-82.

PENGENALAN

Aktiviti pertandingan telah lama wujud sejak dahulu lagi. Al-Quran telah menjelaskan konsep dan aktiviti pertandingan pada zaman Nabi Ya'qub a.s dan Yusuf a.s. melalui wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad saw sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Yusuf, ayat 17;

قَالُوا يَا بْنَ آدَمَ إِنَّا ذَهَبْنَا نَسْتَقْبِلُ...
... وَ... وَ... وَ...

Maksudnya: Mereka berkata: "Wahai ayah kami! Sesungguhnya kami telah pergi berlumba-lumba berburu.

(Yusuf, 12: 17)

Aktiviti pertandingan seperti ini juga pernah dilaksanakan pada zaman Nabi Muhammad saw dengan para sahabat r.a. Pertandingan yang dilakukan pada zaman Nabi Muhammad saw adalah bertujuan untuk memberi latihan dalam menggunakan alat peperangan supaya seseorang itu lebih mahir dalam mempertahankan agama, mengalahkan musuh dan berjihad. Pertandingan yang dilakukan pada zaman Baginda antaranya ialah menunggang kuda, unta, memanah, bergusti dan berlumba lari.

Walau bagaimanapun, sukan tradisional pada masa kini bukan hanya dilihat sebagai hobi atau memenuhi masa lapang. Malah, ia juga telah dilihat sebagai pembawa keuntungan melalui anugerah dengan hadiah-hadiah daripada sesuatu pertandingan yang disertai. Hal ini kerana, sesuatu pertandingan tidak akan terlepas daripada wujudnya hadiah yang akan diperolehi oleh pemenang. Penajaan hadiah pula datang daripada sumber yang pelbagai, ada yang ditaja oleh pihak tertentu dan ada pula yang dikumpulkan daripada yuran penyertaan peserta pertandingan itu sendiri. Namun, apabila pertandingan dikaitkan dengan hadiah, maka persoalan utama dalam mengkaji kedudukan hukum adalah berkait rapat dengan konsep perjudian dan pertaruhan. Ini adalah kerana, setiap perjudian umumnya ditakrifkan sebagai permainan yang mendarangkan kerugian atau keuntungan (Al-Bajuri, 1974). Tambahan pula, asas utama perjudian ialah hadiah yang diambil daripada pertaruhan yang dikeluarkan oleh setiap peserta dan peserta yang terlibat pula perlu menanggung salah satu daripada

kebarangkalian iaitu sama ada mendapat keuntungan ataupun kerugian (Ashraf, 2003). Keadaan ini boleh dilihat apabila para peserta disyaratkan perlu membayar yuran pendaftaran bagi melayakkan mereka menyertai pertandingan tersebut. Hadiah pertandingan pula, diambil daripada sebahagian bayaran yuran pendaftaran yang dikenakan (Azman, 2007). Menurut Ashraf Mh. Hashim (2003), sesuatu pertaruhan yang berlaku pada zaman kini adalah dikutip melalui cara yang kadang-kala tidak disedari oleh pihak pengajur dan para peserta pertandingan. Mereka menggunakan istilah-istilah lain sebagai contoh, wang penyertaan, yuran pertandingan dan lain-lain.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tiga masalah: 1) konsep pertandingan dalam al-Quran dan al-Sunnah, 2) bentuk hadiah dalam pertandingan dan 3) hukum pertandingan sukan tradisional di Selatan Thailand.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mendapatkan data-data yang berkaitan, pengkaji menggunakan kajian kepustakaan. Data-data dalam kajian kepustakaan berkenaan sesuatu tajuk merangkumi buku, artikel dalam jurnal ilmiah, penulisan di internet, tesis, kertas seminar dan persidangan, dokumen rasmi dan dokumen-dokumen lain. Melalui kaedah ini, pengkaji memperolehi maklumat-maklumat tentang pertandingan dalam perspektif Islam yang merangkumi pengertian pertandingan, perkataan pertandingan dalam al-Quran dan al-Sunnah, bentuk hadiah dalam pertandingan, hukum pertandingan sukan tradisional di Selatan Thailand dan lain-lain.

Data kajian kepustakaan dianalisis melalui kaedah seperti membuat rujukan terhadap sumber utama dan asal, membuatkan perbandingan sumber data dan fakta bagi menentukan kesahihan, membahagikan atau mengkategorikan data mengikut kriteria yang diperlukan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mengkaji, meneliti dan menyesuaikan sumber daripada al-Quran dan al-Hadith yang berkaitan dengan dimensi yang diperlukan. Begitu juga dengan meneliti, menganalisis dan mengupas pandangan ulama sebelum membuat penafsiran dalam situasi tertentu berdasarkan matlamat kajian.

DEFINISI PERTANDINGAN DARI PERSPEKTIF SYARIAH

Perkataan pertandingan disebut dalam bahasa Arab sebagai al-Musabaqah. Para ulama berpendapat perkataan dan pengertian pertandingan dari sudut bahasa terbahagi kepada dua. Al-Musabaqah diambil dari perkataan al-Sabq (dibaca huruf ba' dengan baris sukun) iaitu kata dasar yang menunjukkan maksud mendahului sesuatu, sebagai contoh seseorang itu telah mendahului orang lain dalam perjalanan dan juga dalam semua hal-hal lain untuk mencapai tujuan tertentu. Pendapat yang kedua ialah al-Musabaqah diambil dari perkataan al-Sabaq (dibaca huruf ba' dengan baris fathah) bermaksud harta atau hadiah yang diberikan kepada pemenang dalam pertandingan (Ibn Manzur, 1996). Pertandingan dari sudut istilah pula, boleh dibahagikan kepada dua pengertian iaitu pengertian secara umum dan khusus. Pengertian pertandingan secara umum adalah tidak terkeluar daripada pengertian pertandingan dari sudut bahasa iaitu bersegera kepada sesuatu supaya dapat mendahului orang lain bertujuan mencapai perkara tersebut sepertimana dinyatakan ulama dalam mazhab al-Maliki (al-Dusuqi, t.t), al-Shafi,,i (al-Sharbini, 1994) dan al- hanbali (Ibn Qudamah, 1988). Pengertian pertandingan

secara khusus pula iaitu mengkhususkan pertandingan yang berlaku sesama manusia dalam pertandingan menunggang kuda, unta dan seumpamanya seperitimana dinyatakan ulama dalam mazhab al-Hanafi (al-Kasani, 1998).

Kedua-dua pengertian tersebut, tidak terkeluar daripada konsep pertandingan dari sudut bahasa. Malah, ia boleh digabungkan serta diberi pengertian yang lebih sesuai dengan menggunakan pendekatan berdasarkan suasana dan keadaan masyarakat masa kini. Pertandingan merupakan suatu perlumbaan atau perlawanan yang melibatkan kekuatan mental, fizikal dan juga kemahiran. Kekuatan ini pula mungkin datang daripada manusia, haiwan, mesin atau gabungan antara elemen-elemen tersebut antara dua orang atau lebih untuk mendapatkan sesuatu, sama ada menyertai hadiah atau tanpa hadiah.

PERKATAAN PERTANDINGAN DALAM AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

Pertandingan boleh menjadi suatu ibadah sekira menepati acara dan landasan syariat Islam. Hal ini kerana, pertandingan juga telah disyariatkan oleh Allah SWT dan Nabi Muhammad saw. Antara dalil-dalil daripada al-Quran adalah seperti berikut:

- i. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf, ayat 17.

قَالُوا يَأْبَانَا إِنَّا ذَهَبْنَا نَسْتَبِقُ ...

Maksudnya: Mereka berkata: "Wahai ayah kami! Sesungguhnya kami telah pergi berlumba-lumba berburu.

(Yusuf 12: 17)

Berdasarkan ayat di atas, Abd al-Rahman al-Sa'di (t.t) menyatakan saudara-saudara Nabi Yusuf a.s bersama-sama mengadakan pertandingan melalui perlumbaan lari atau memanah. Oleh kerana perkataan *Nastabiq* (نَسْتَبِقُ) membawa maksud berlumba-lumba lari. Sebahagian pendapat pula menyatakan ia bermaksud memanah iaitu merupakan sebahagian acara pertandingan. Hal ini kerana, tujuan diadakan pertandingan ini adalah untuk melatihkan dan menyediakan diri dalam peperangan. Ia merupakan sebahagian daripada alat peperangan untuk mempertahankan diri dalam peperangan (Al-Qurtubi, 1993). Oleh itu, ayat ini membuktikan pertandingan adalah sesuatu yang harus dalam syariat Islam. Ia telah menjadi amalan kaum dahulu, malah ia juga menjadi amalan umat sekarang.

- ii. Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal, ayat 60.

وَأَعِدُّوا لَهُم مَا أُسْتَطِعُنَا مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْحَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ ...

Maksudnya: Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu.

(al-Anfal 8: 60)

Ayat di atas menjelaskan tentang perintah Allah SWT terhadap hambanya menyediakan kekuatan badan dan juga persediaan kuda untuk menghadapi musuh-musuh Allah SWT. Ayat ini telah ditafsirkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam hadisnya yang berbunyi:

عَنْ عُقَيْبَةَ بْنَ عَامِرٍ يَقُولُ لَا سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ يَقُولُ "وَأَعُدُّ اللَّهُمَّ مَا أَسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ" أَلَا إِنَّ الْقُوَّةَ الرَّمِيمُ أَلَا إِنَّ الْقُوَّةَ الرَّمِيمُ.

Maksudnya: Daripada 'Uqbah bin 'Amir berkata : Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda di atas mimbar : Hendaklah kamu bersiap sedia dengan apa-apa yang kamu mampu daripada peralatan kekuatan. Ketahuilah sesungguhnya kekuatan itu ialah memanah, ketahuilah sesungguhnya kekuatan itu ialah memanah, ketahuilah sesungguhnya kekuatan itu ialah memanah.

(Muslim 1955, No.1918)

- iii. Firman Allah SWT dalam surah al-Mutaffifin, ayat 26.

خِتَّمُهُ وَمِسْكٌ وَفِي ذَلِكَ فَلَيْتَنَافَسَ الْمُتَنَفِّسُونَ

Maksudnya: Meterinya kasturi dan untuk (memperolehi nikmat kesenangan) itulah hendaknya berlumba-lumba mereka yang ingin merebut kelebihan dan kesenangan.

(al-Mutaffifin, 83:26)

Ayat di atas membayangkan tentang kenikmatan dalam syurga diberikan kepada mereka yang bersungguh-sungguh atau berlumba-lumba dalam ketaatan kepada Allah SWT. Hal ini kerana perkataan *Yatanafas* bermaksud *Yastabiq* iaitu berlumba-lumba atau bersungguh-sungguh dalam melaksanakan perintah Allah SWT demi memperolehi nikmat kesenangan di akhirat nanti (Al-Zuhayli, 2007).

Perkataan pertandingan juga banyak disebut dalam hadith yang menunjukkan ia telah disyariatkan dan harus dilakukannya, antara hadith-hadith adalah seperti berikut:

- i. Hadith riwayat daripada 'Abd al-Lah Ibn 'Umar RA. :

عَنْ نَافِعٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَاقَ بَيْنَ الْحَيْلَيْنِ الَّتِي أَضْمَرَتْ مِنْ الْحُفْيَاءِ وَأَمْدَهَا ثَنَيَّةَ الْوَرْدِعِ وَسَابَقَ بَيْنَ الْجَيْلِيْنِ الَّتِي لَمْ تُضْمَرْ مِنْ الثَّنَيَّةِ إِلَى مَسْجِدِ تَبَيِّ رُزَيْقٍ وَأَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ كَانَ فِيهِنَّ سَابِقٌ بِهَا

Maksudnya: Daripada Nafi' daripada Ibn 'Umar RA katanya : Bahawa Rasulullah SAW pernah berlumba dengan kudanya yang dikurungkan dari tempat bernama Hafya' (satu kawasan terletak berhampiran Bandar Madinah, jarak jauhnya dengan Thaniyyah al-Wada' lebih kurang 6-7 batu (Wizarah al-Awqaf,1992) dan penghabisannya ditempat bernama Thaniyyah al-Wada,, (satu kawasan dalam Bandar Madinah berhampiri dengan Masjid al-Nabawi iaitu tempat perpisahan musafir orang-orang Yahudi di Madinah menuju ke Mekah

(Abadi, 1969: 80). Jarak jauh antara Thaniyyah al-Wada,, dengan Masjid Bani Zurayq ialah hanya satu batu. (Wizarah al-Awqaf, 1992) dan Baginda berlumba antara kuda yang tiada dikurangkan dari tempat yang bernama Thaniyyah ke masjid Bani Zurayq, dan adalah Ibn ‘Umar antara mereka yang berlumba.

(al-Bukhari 1993, No.2715)

Menurut al-‘Asqalani (1996), hadith ini membuktikan pensyariatan pertandingan dan tidak menjadi perkara yang sia-sia, malah ia adalah sukan yang terpuji untuk mencapai matlamat dalam peperangan.

ii. Hadith riwayat daripada Siti ‘Aishah RA :

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّهَا كَانَتْ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ قَالَتْ: فَسَابَقْتُهُ فَسَبَقْتُهُ عَلَى رَجُلٍ، فَلَمْ حَمَلْتُ الْأَحْمَمَ، سَابَقْتُهُ فَسَبَقْنِي قَالَ هَذِهِ بِتْلُكُ السَّبَقَةِ"

Maksudnya: Daripada „Aishah RA, pada satu ketika „Aishah bersama Rasulullah saw dalam perjalanan musafir, beliau berkata : Aku pernah berlumba lari dengan Rasulullah saw, maka aku mendahului Baginda SAW. Pada ketika aku mempertambahkan berat badan, kami berlumba lagi tetapi pada kali ini Baginda SAW mendahului aku, lalu Baginda SAW bersabda : kali ini digantikan perlawan yang lalu.

(Al-Sajistani 1998, No.2575)

Menurut Imam Al-Shawkani (1999) hadith ini membuktikan kaum wanita juga perlu diadakan suatu pertandingan. Namun, diadakan dalam keadaan terbatas sebagaimana Nabi Muhammad saw pernah diajak oleh isterinya Siti Aishah RA berlumba lari. Oleh itu, hadith ini menunjukkan pensyariatan pertandingan berlumba lari boleh dilakukan antara lelaki dan perempuan mahram.

iii. Hadith riwayat daripada Abi Hurayrah RA :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا سَبَقَ إِلَّا فِي نَصْلٍ أَوْ خُفَّ أَوْ حَافِرٍ

Maksudnya: Daripada Abi Hurayrah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda: Tiada hadiah dalam pertandingan melainkan daripada memanah, berlumba unta atau kuda.

(Al-Tirmidhi t.t, No.1700)

Menurut Abadi (2001), hadis di atas menunjukkan hadiah pertandingan boleh dilakukan hanya dalam lingkungan tiga jenis sahaja iaitu memanah, berlumba unta dan kuda. Hal ini kerana ia adalah suatu pertandingan yang boleh mempertahankan diri dalam suatu peperangan.

iv. Hadith riwayat daripada Salamah bin al-Akwa' RA :

عَنْ سَلَمَةَ بْنِ الْأَكْوَعِ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ وَسَلَّمَ عَلَى نَفْرِ مِنْ أَسْلَمَ يَتَّخِذُونَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ارْمُوا بَنِي إِسْمَاعِيلَ إِنَّ أَبَكُمْ كَانَ رَامِيًّا ارْمُوا وَإِنَّا مَعَ بَنِي فُلَانَ قَالَ: فَأَمْسَكَ أَحَدُ الْفَرِيقَيْنَ بِأَيْدِيهِمْ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَا لَكُمْ لَا تَرْمُونَ قَالُوا: كَيْفَ تَرْمِي وَأَنْتَ مَعْنَمٌ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ارْمُوا فَلَنَا مَعْنَمُ كُلُّكُمْ

Maksudnya: Daripada Salamah bin al-Akwa' RA berkata: pada satu ketika Rasulullah SAW pernah melalui jalan atas para sahabat daripada Banī Aslam yang sedang mengadakan pertandingan memanah. Maka Rasulullah SAW bersabda: "Manahlah wahai Bani 'Isma'il kerana sesungguhnya datuk nenek kamu adalah pemanah, hendaklah kamu memanah dan Aku bersama dengan kamu. Apabila terdengar oleh satu kumpulan lagi daripada para sahabat yang sedang memanah, mereka selalu berhenti. Maka Rasulullah SAW bertanya: kenapa kamu terhenti dan tidak memanah?, mereka menjawab : "Wahai Rasulullah SAW bagaimana kami hendak memanah jika Baginda bersama mereka". Maka Rasulullah SAW menjawab: "Memanahlah kamu semua dan Aku bersama kamu semua".

(Al-Bukhari 1993, No. 2899)

Beberapa ayat al-Quran dan hadis yang telah disebutkan di atas dapat disimpulkan bahawa pertandingan yang dilakukan pada zaman Nabi terdahulu dan Nabi Muhammad SAW adalah terdiri daripada lumba lari, memanah, lumba kuda, unta dan bergusti. Bentuk pertandingan tersebut mempunyai matlamat untuk memberi kemahiran dan kekuatan dalam mempertahankan agama, mengalahkan musuh dan berjihad di jalan Allah SWT.

Perbahasan terhadap pensyariatan pertandingan dari sudut al-Quran dan al-Sunnah mendapati bahawa keseluruhan para ulama Fiqah empat mazhab telah bersepakat pendapat menyatakan pertandingan pada umumnya adalah harus. Hal ini kerana pertandingan pada zaman Nabi Muhammad SAW. adalah suatu perkara dalam mencapai matlamat jihad di jalan Allah SWT. Antara ulama yang memberi pandangan tersebut adalah seperti Imam al-Nawawi (2000:9/156), Ibn Qudamah (1978), Ibn 'Abd al-Bar (1967), Ibn Hazm (1998), Ibn al-Qayyim (t.t) dan lain-lain.

Namun para ulama berbeza pendapat dari sudut hukum yang diletakkan pada sesuatu pertandingan. Menurut Al-Bujayrimi (t.t), sekiranya pertandingan mempunyai matlamat mempertahankan agama atau berjihad pada jalan Allah swt, maka hukumnya adalah wajib. Jika matlamatnya untuk memahirkan sesuatu dalam mempersediaan berjihad, maka hukumnya adalah digemarkan atau sunat. Jika matlamatnya untuk melakukan kejahatan atau keganasan, maka hukumnya adalah haram. Begitu juga jika matlamat untuk melakukan sesuatu yang makruh seperti mencuaikan atau membiarkan kebaikan, maka hukumnya adalah makruh.

BENTUK HADIAH DALAM PERTANDINGAN

Hadiyah atau ganjaran digunakan dalam bahasa Arab sebagai *al-'Iwad* yang bermaksud suatu pemberian kepada orang lain sebagai ganti terhadap apa yang disumbangkan olehnya (Ibn

Manzur, t.t). Pengertian istilah pula bermaksud harta yang diberikan kepada pemenang dalam sesuatu pertandingan (Al-Sharbini, 1994).

Pertandingan berserta hadiah adalah suatu perkara yang diluluskan dan dibenarkan oleh syariat Islam apabila memenuhi syarat-syarat berikut:

HADIAH DITAJA OLEH PIHAK LUAR (BUKAN PESERTA PERTANDINGAN)

Pemberian hadiah dari pihak luar merujuk kepada mereka yang tidak menyertai pertandingan tersebut. Pihak inilah yang mengeluarkan hadiah kepada pemenang dalam suatu pertandingan. Mereka ini mungkin terdiri daripada pihak pemerintah, organisasi atau orang perseorangan (Ashraf , 2003). Menurut Al-Sharbini (2000), pemberian hadiah ini tanpa kira sama ada harta tersebut merupakan hak milik sendiri atau merupakan harta perbendaharaan untuk diserahkan kepada pemenang. Cara seperti ini adalah diharuskan dan dibenarkan oleh majoriti ulama fiqah empat mazhab (Ibn ‘Abidin, 1998). Ini adalah kerana terdapat faedah dan manfaat di mana hadiah tersebut merupakan galakan kepada para peserta untuk lebih lagi bersungguh-sungguh dalam mempelajari pelbagai aspek kemahiran dalam pertandingan yang berkaitan dengan jihad (Ibn Qudamah, 1984). Tambahan pula, tiadanya unsur perjudian kerana hadiah bukanlah dari pihak peserta sendiri.

HADIAH DITAJA OLEH SALAH SEORANG PESERTA

Penaja hadiah salah seorang daripada dua peserta, seperti peserta pertama berkata kepada peserta kedua, “Sekiranya engkau boleh memenangi aku, maka aku akan memberikan hadiah dengan hadiah tertentu, tetapi sekiranya engkau kalah, maka engkau tidak perlu memberikan hadiah apa-apa”. Keadaan ini peserta yang kedua tidak mengeluarkan apa-apa perbelanjaan dalam penajaan hadiah (Al-Shatri, 1997). Dalam hal ini, para ulama Fiqah berbeza pandangan kepada tiga:

Pandangan pertama ialah majoriti ulama fiqah mazhab Hanafi (Ibn ‘Abidin, 1998), Shafi’i (Al- Sharbini, 1994), Hanbali (Al-Ruhaybani, 1961) dan sebahagian daripada mazhab Maliki (al-Hatab, 1978) berpendapat bentuk semacam ini adalah dibenarkan oleh syarak selagi hadiah tersebut datang daripada salah seorang daripada dua peserta yang bertanding dan pihak lain. Hal ini kerana pengeluaran dan pemberian hadiah semacam ini adalah perbuatan yang tanpa atau jauh daripada kekeliruan dalam masalah pertaruhan. Pandangan kedua ialah majoriti ulama Fiqah mazhab Maliki berpendapat harus pemberian hadiah dari salah satu peserta dalam pertandingan. Namun, sekiranya pemberian hadiah sendiri yang memenangi pertandingan tersebut, ia tidak boleh memiliki hadiah tersebut. Jika pertandingan adalah antara dua peserta sahaja, hadiah tersebut hendaklah disedekah kepada mereka yang menyaksikan pertandingan dan jika pertandingan itu melibatkan ramai peserta, hadiah tersebut hendaklah diberikan kepada pemenang yang berikutnya yang tidak terlibat di dalam pengeluaran hadiah (al-Baji, 1984). Pandangan ketiga berpendapat tidak dibenarkan pengeluaran hadiah daripada salah satu peserta kerana seumpama perjudian. Pendapat ini adalah daripada Imam Malik yang dinisbahkan oleh beberapa ulama Fiqah antaranya Ibn Qudamah, beliau mengatakan Imam Malik berpendapat tidak harus bagi mereka selain daripada pihak pemerintah yang boleh memberi hadiah dalam sesuatu pertandingan (Al-Mawardi, 1994).

HADIAH DITAJA OLEH SETIAP PESERTA

Semua peserta menjadi penaja kepada hadiah dalam sesuatu pertandingan dan hadiah tersebut hanya dimiliki oleh pemenang pertandingan. Tajaan itu pula mungkin berlaku secara langsung atau tidak langsung. Contoh bagi tajaan secara langsung iaitu apabila setiap peserta mengeluarkan harta untuk menyediakan hadiah dengan mengatakan “*Sekiranya engkau mengalahkan aku maka aku bayar engkau, sekiranya aku dapat mengalahkan engkau, maka engkau bayar kepada aku*”. Manakala contoh bagi tajaan secara tidak langsung ialah setiap peserta membayar yuran penyertaan atau yuran pendaftaran bagi menyertai suatu pertandingan. Sebahagian dari wang ini digunakan oleh pengajur untuk penyediaan hadiah dan sebahagian lagi untuk belanja pengurusan dan lain-lain. Pemberian hadiah semacam ini, para ulama mempunyai pandangan yang berbeza kepada tiga pandangan:

Pandangan pertama ialah majoriti ulama fiqah daripada mazhab Hanafi (Ibn ‘Abidin, 1998), Shafi’i (Al-Sharbini, 1994), Hanbali (Ibn Qudamah, 1978) dan sebahagian Maliki (Al-Kharashi, t.t) berpendapat tidak dibenarkan pengeluaran hadiah daripada pihak setiap peserta melainkan dengan adanya al-Muhallil (pihak yang tidak mengeluarkan apa-apa hadiah dalam suatu pertandingan) di kalangan peserta. Peranan yang dimainkan oleh al-Muhallil dalam perkara ini, ia mempunyai syarat-syarat iaitu tidak mengeluarkan sesuatu benda daripada hadiah dalam pertandingan sama ada sedikit atau banyak, mengambil hadiah daripada pertandingan sekiranya menang, alat pertandingan mesti sama dengan alat peserta lain dan lokasi pertandingan adalah sama seperti peserta lain dan ia juga akan dapat kemenangan dalam pertandingan (Al-Shatri, 1997). Azman Ab Rahman (2007) memberi contoh bagi pertandingan semacam ini ialah apabila pertandingan dilakukan antara dua atau lebih dan diikuti pula peserta luar yang tidak perlu bayar apa-apa pun, sekiranya dia berjaya atau menang, maka dia juga akan mendapat hadiah. Sekiranya kalah, tidak ada hadiah baginya dan hadiah itu diambil oleh pemenang lain.

Pandangan kedua ialah harus pengeluaran hadiah daripada pihak semua peserta dan tidak disyaratkan penyertaan al-Muhallil. Pandangan ini didokong oleh Ibn Taymiyyah (t.th:28/22) dan Ibn Qayyim (1990). Ibn Taymiyyah (t.t) berpendapat tidak ada seorang pun dari kalangan sahabat yang mensyaratkan penyertaan al-Muhallil dalam pertandingan dan juga tidak diharamkan apabila dikeluarkan hadiah dari dua pihak. Pandangan ketiga pula ialah, tidak dibenarkan mengeluarkan hadiah daripada pihak peserta sama ada dengan penyertaan al-Muhallil atau tidak. Pandangan ini didokong oleh Imam Malik (Dusuqi, 1996). Ibn ‘Abd al-Bar (1402) menyatakan mazhab al-Shafi’i tidak membenarkan pengeluaran hadiah dari pihak peserta melainkan dengan adanya al-Muhallil. Namun perkara yang sama turut tidak dibenarkan dalam mazhab al-Maliki walaupun disertai al- Muhallil.

HUKUM PERTANDINGAN SUKAN TRADISIONAL DI SELATAN THAILAND

Sukan tradisional merupakan satu aktiviti rekreasi dan permainan penduduk tempatan yang bertujuan mendapat keseronokan, kegembiraan, menyihatkan tenaga atau menghilangkan tekanan jiwa (Somprach Ammapan, 1998). Sukan tradisional telah berupaya membentuk sebahagian daripada kehidupan yang dilalui oleh nenek moyang masyarakat masing-masing. Asas penting yang menjamin kesinambungan permainan tradisional pada masa lalu ialah

keseragaman cara hidup nenek moyang. Malah sejak dari kecil lagi mereka membiasakan diri dengan keadaan yang demikian. Ada di antara permainan yang kini tidak dimainkan lagi tetapi hanya diketahui oleh ibu bapa dan datuk nenek kita sahaja. Dalam pada itu terdapat beberapa bentuk permainan yang masih dimainkan lagi oleh masyarakat sehingga ke hari ini (<http://permainantradisionalmalaysia.blogspot.com/2009>).

Di Selatan Thailand, terdapat pelbagai sukan tradisional yang telah dijadikan sebagai pertandingan. Ia dapat dikategorikan kepada dua; pertama ialah permainan sukan berdasarkan individu dalam pertandingan dan kedua ialah permainan sukan berdasarkan haiwan dalam pertandingan.

HUKUM PERMAINAN SUKAN BERASASKAN INDIVIDU

Permainan sukan tradisional berdasarkan individu bertujuan menjaga kesihatan badan atau ketenangan jiwa dan menghilangkan ketegangan setelah selesai daripada kerja harian. Di Selatan Thailand, terdapat pelbagai permainan berdasarkan individu sebagai contoh, *Muay Thai Chaiya* (Thai Fight), perlumbaan perahu, silat dan lain-lain (Somprach Ammapan, 1998). Sukan berdasarkan individu ini boleh dikategorikan kepada dua; pertama ialah sukan bersifat beradu kekuatan dan kedua ialah sukan bersifat mempertingkatkan ketahanan diri.

Sukan tradisional bersifat beradu kekuatan seperti *Muay Thai Chaiya*. Sukan ini merupakan jenis sukan yang paling berisiko tinggi antara sukan-sukan lain. Hal ini kerana tujuan utamanya adalah untuk mencederakan serta menjatuhkan pihak lawan. Sukan seperti ini adalah sukan yang menyebabkan kecederaan yang serius pada penglihatan, pendengaran sehingga mendatangkan kematian kepada diri sendiri dan orang lain. Menurut Al-Sharbini (2000), sukan berbentuk ini merupakan sukan yang boleh membawa kemudaratan dan kecederaan pada diri sendiri dan orang lain. Islam tidak membenarkan sesuatu bentuk sukan yang membawa kecederaan tubuh badan atau bahaya kebinasaan. Menurut Al-Qaradawi (2014), aktiviti sukan seperti ini tidak dibenarkan kerana boleh menyebabkan kematian kepada diri sendiri atau pihak lawan. Majlis Fatwa Arab Saudi (fatwa no.3685) telah memutuskan pengharaman pertandingan sukan seperti ini sama ada tanpa pertaruhan atau sebaliknya, kerana ia merupakan sukan yang boleh membahayakan antara kedua-dua pihak sehingga mengakibatkan kecederaan yang teruk kepada tubuh sampai ke tahap pecah kepala, menjadi buta, mengalami koma otak sehingga membawa kematian. Antara dalil yang menunjukkan sukan seperti ini diharamkan ialah firman Allah SWT. dalam surah al-Baqarah :

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيهِمْ إِلَى الْتَّهْلُكَةِ...^{٦٠٠}

Maksudnya: Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya atau kebinasaan.

(al-Baqarah 2:195)

Firman Allah SWT.:

... وَلَا تَقْتُلُوْا اَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Maksudnya: Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

(al-Nisa 4: 29)

Sukan yang mampu mempertingkatkan ketahanan diri seperti perlumbaan perahu, takraw dan lain-lain. Majoriti ulama fiqah menyatakan sukan seperti ini diharuskan kerana dapat menguatkan badan atau tenaga dan ia dianggap sebagai sukan yang boleh mempertahankan diri daripada musuh-musuh Islam (Yunus, 2004:178). Kekuatan tenaga adalah perkara yang digalakkan dalam Islam sepertimana Nabi Muhammad SAW bersabda melalui riwayat Abu Hurayrah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الْمُضَعِّفِ

Maksudnya: Daripada Abi Hurayrah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: Mukmin yang kuat lebih baik dan disukai oleh Allah SWT daripada mukmin yang lemah.

(Muslim, No 2664)

HUKUM PERMAINAN SUKAN BERASASKAN HAIWAN

Permainan sukan berasaskan haiwan adalah permainan sukan yang menggunakan haiwan peliharaan serta membuat latihan secara bersungguh-sungguhan untuk dipertandingkan. Di Selatan Thailand, terdapat pelbagai permainan sukan yang berdasarkan haiwan, sebagai contoh sabung ayam, sabung lembu, sabung kerbau, sabung kambing, sabung ikan, seni suara burung ketitir, candik dan lain-lain (Somprach Ammapan, 1998). Sukan berdasarkan haiwan ini boleh dikategori kepada dua, pertama ialah sukan bersifat tempuran atau menyabung dan kedua, ialah bersifat seni suara.

Sukan berdasarkan haiwan bersifat tempuran atau menyabung seperti sabung ayam, lembu, kerbau, kambing dan ikan. Permainan sukan seperti ini hanya dijadikan hiburan oleh manusia atau keseronokan bagi pemilik atau penonton sahaja. Permainan ini pula boleh menimbulkan kemarahan haiwan di hadapan musuhnya iaitu dengan saling melagakan haiwan yang menyebabkan mereka saling menanduk antara satu sama lain sehingga menyebabkan kecederaan. Para penonton pula menyaksikan pertumpahan darah yang berlaku sambil ketawa dan berseronok. Perbuatan itu adalah kekejaman manusia ke atas haiwan yang tidak memiliki akal fikiran seperti yang dimiliki oleh manusia (Al-Qaradawi, 2014). Sukan seperti ini tidak dibenarkan oleh majoriti ulama Fiqah kerana tidak bermanfaat atau faedah kepada haiwan. Malah ia merupakan permainan yang boleh membawa kecederaan atau menyakiti haiwan sehingga membawa kematian (Yunus, 2004). Sukan seperti ini telah dilarang oleh Nabi Muhammad saw, sebagaimana baginda pernah menyatakan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās r.a, sabdanya:

نَهَىٰ رَسُولُ اللّٰهِ (ص) عَنِ الْتَّحْرِيْشِ بَيْنَ الْبَهَائِمِ

Maksudnya: Rasulullah SAW pernah melarang menyiksa atau melaga antara haiwan-haiwan.

(Al-Sajistani 1998, No. 2562)

Hadith di atas, menunjukkan Nabi Muhammad SAW menegah perbuatan yang membawa kebinasaan terhadap haiwan melalui melaga dan seumpamanya. Perbuatan seperti ini dilaknat oleh Allah SWT. sepetimana firman-Nya:

فِيمَا نَقْضَيْهِمْ مَيْتَقْوُمُ لَعْنَهُمْ وَجَعَلْنَا قُلُوبَهُمْ قَسِيَّةً ۚ

Maksudnya: Maka dengan sebab mereka mencabuli perjanjian setia mereka, Kami lakanatkan mereka, dan Kami jadikan hati mereka keras yang tidak mahu menerima kebenaran.

(al-Ma'dah 5:13)

Sukan berasaskan haiwan bersifat seni suara seperti seni suara burung ketitir dan candik. Sukan seumpama ini, walaupun ia hanya semata-mata untuk berhibur atau keseronokan namun tidak melakukan suatu kezaliman terhadapnya. Berhibur dengan burung untuk menikmati keindahan suara merupakan suatu perkara yang diminati oleh manusia secara fitrahnya malah ia merupakan satu elemen dalam kehidupan. Keinginan terhadap sesuatu merupakan satu fitrah manusia yang diberikan oleh Allah swt. kepada manusia. Islam juga tidak menghalang keinginan manusia dari sudut kehidupan dunia selagaimana ia tidak melampaui keinginan dan membelakangi kewajipan (Al-Zuhayli, 2007). Namun konsep permainan dan hiburan dalam Islam bertujuan hanya untuk mencari kesejahteraan dan kepuasan, terlepas daripada ketegangan dan keresahan di dunia sahaja. Malah ia juga boleh dianggap sebagai permainan sia-sia yang boleh membawa pemilik melalaikan tanggungjawab terhadap agama. Imam al-Qurtubi (1967) menyatakan hiburan adalah suatu perkara semata-mata untuk kehidupan dunia sahaja dan tiada kaitan langsung dengan akhirat. Hal ini kerana, ia tidak boleh membawa faedah untuk menuju ke akhirat.

Abu al-Abbas al-Qurtubi mengatakan para ulama membenarkan menangkap burung dan berhibur semasa dalam sangkar, sekiranya menyiksa burung dan mengabaikannya maka hukum adalah haram. Hal ini kerana Nabi Muhammad SAW pernah melarang menyiksa haiwan, kecuali kerana sembelih hanya untuk dimakan (Al-Dumayri, 2003:2/213).

PENUTUP

Islam tidak melarang terhadap pelbagai jenis pertandingan sukan, malah Islam melihatnya sebagai perkara yang disyariatkan sebagaimana pertandingan yang dilakukan pada zaman Nabi Muhammad SAW seperti perlumbaan kuda, unta, memanah dan sebagainya. Sukan ini dapat menguatkan fizikal, mengasah kemahiran dan meningkatkan keupayaan. Namun, Islam

menganjurkan kepada kita supaya berhati-hati serta meneliti sebahagian aktiviti sukan yang wujudnya percanggahan dengan syariat Islam. Antaranya, sukan yang mendatangkan bahaya serius kepada diri sendiri dan juga pihak lawan seperti tinju Siam atau *Muay Thai*, sukan yang menyebabkan kecederaan haiwan seperti sabung ayam, lembu dan lain-lain, sukan yang berunsurkan perjudian, sukan yang menzahirkan tubuh dan aurat wanita yang dilakukan di hadapan lelaki-lelaki asing (*ajnabi*) dan sukan yang boleh menyebabkan kelalaian tanggungjawab kepada Allah swt. Justeru, garis panduan yang ditetapkan ini adalah bertujuan memberi keselesaan dan keadilan kepada semua pihak yang terlibat, selain menyokong aktiviti sukan yang dibenarkan oleh agama.

RUJUKAN

- Abd al-Rahman bin Nasir (t.t). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Manan*. Jil : 4. al-Riyad : al-Mu'assasah al-Sa'idiyyah.
- Abi 'Umar bin 'Abd al-Bar (1402 H). *al-Tamhid lima fi al-Mawta*" min al-Ma,,ani wa al-Asanid. Jil : 14. T.tp : T.np.
- Ashraf bin Mh. Hashim (2003). 'Konsep Pertandingan dan Hadiah di Dalam Islam' dalam Jurnal Syariah. 11 : 2 (95-116). Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Al-'Asqalani (1996). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Jil : 6. Bayrut : Dar al-Fikr.
- Azman Ab Rahman (2007). *Pertandingan Kontemporari Menurut Perspektif Islam*. Negeri Sembilan : Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Al-Bajuri, Ibrahim bin Muhammad (1974). *Hashiyah al-Bajuri 'Ala Sharh Ibn Qasim*. Jil : 2. Bayrut : Dar al-Ma,,rifah.
- Al-Bukhari (1993). *Sahih al-Bukhari*. Dimashq : Dar al-'Ulum al-Insaniyah.
- Al-Bujayrimi (t.th). *al-Bujayrimi 'ala al-Khatib*. al-Qahirah : al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Al-Dusuqi (1996). *Hashiyah al-Dusuqi 'ala al-Sharh al-Kabir*. Bayrut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Hatab, Abi 'Abd al-Lah (1978). *Mawahib al-Jalil li Sharh Mukhtasar Khalil*. Bayrut : Dar al-Fikr.
- Ibn 'Abd al-Bar (1967). *al-Tamhid lima fi al-Mawta*' min al-Ma,,ani wa al-Asanid. T.tp : T.np.
- Ibn Hazm (1998). *Maratib al-Ijma'* fi al- 'Ibadat wa al-Mua'malat wa al-I'tiqadat. Bayrut : Dar Ibn Hazm.
- Ibn al-Qayyim (t.th). *al-Furusiyah*. Bayrut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah (1978). *al-Mughni*. al-Qahirah : Dar Hjr.
- Ibn Taymiyyah (T.th). *Majmu' al-Fatawa*. Rabat : Maktabah al-Ma'arif.
- _____, (T.th). *Mukhtasar al-Fatawa al-Misriyyah li Ibn Taymiyyah*. T.tp : Dar al-Qalam li al- Turath.
- al-Kasani (1998). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*. Bayrut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Nur Fadhilah Ahmad Khairi (2009). *Permainan Traditional Kaum-kaum Malaysia*. <http://permainantradisionalmalaysia.blogspot.com/2009>. Diakses pada 10/11/2013.
- al-Qaradhawi, Yusuf (2014). *Fiqh Hiburan dan Rekreasi*. Terj:Fauwaz Fadzil. Kuala Lumpur:PTS ISLAMIKA.
- Al-Qurtubi (1993). *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Bayrut : Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi (2000). *Rawdah al-Talibin*. Bayrut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Naysaburi (1955). *Sahih Muslim*. Bayrut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Sajistani (1998). *Sunan Abi Dawud*. Bayrut : Dar Ibn Hazm.
- Somprach Ammapan (1998). *Kila Phen Meang Phak Tai*. (Bahasa Thai) Pattani : Universiti

Prince of Songkhla (Kampus Pattani).
Al-Zuhayli, Wahbah (2007). *Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Jil : 15. Bayrut : Dar al-Fikr al-Mu,,asir.